


أوروس تدبیر دینامیک کأره کسجهتران نکارا

**“URUSTADBIR DINAMIK  
KE ARAH  
KESEJAHTERAAN NEGARA”**





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam







Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda  
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance  
(First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao),  
DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince  
Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri



**Petikan Titah  
Mengenai Perkhidmatan Awam**

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



## SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-21, TAHUN 2014

**Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 4 Safar 1436 bersamaan 27 November 2014.**



Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di pagi ini memperingati Hari Perkhidmatan Awam Ke-21 ini.

Perkhidmatan Awam adalah terus berhadapan dengan pelbagai cabaran di tengah-tengah arus kemajuan sosio-ekonomi serta permintaan orang ramai yang terus meningkat.

Semua ini memerlukan Perkhidmatan Awam untuk lebih bersedia dan lebih pantas ke hadapan dari permintaan.

Tema Hari Perkhidmatan Awam pada kali ini berbunyi : "Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara". Tema ini membawa *message*, bahawa urustadbir atau "*governance*" ini adalah nadi Kerajaan.

Urustadbir perlu dinamik untuk membawa kita kepada perubahan-perubahan yang baik. Jika tidak, maka urustadbir seperti itu adalah lemah dan tidak mampu untuk menyampaikan kepada sasaran yang dikehendaki.

Kita perlu tangkas mengenali dan menghadapi sebarang perubahan. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan penurunan kedudukan negara dalam indeks "*Ease of Doing Business*" yang diperakukan oleh Bank Dunia mengikut kriteria penilaian baru. Kedudukan negara kita didapati jatuh, dari tangga 98 tahun 2013 kepada 101 pada tahun ini. Kejutan ini, tidak syak lagi, memerlukan muhasabah untuk kita mengetahui kedudukan program pembaikan yang ada, tahap komitmen dan juga "*delivery*"



perlaksanaannya. Kita juga perlu tahu akan sebab musababnya, di samping usaha untuk mengatasi kemerosotan ini.

Beta mengambil maklum mengenai banyak usaha telah dibuat untuk meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan. Memang, kepimpinan dan pengurusan berkualiti adalah penentu bagi pencapaian dalam Perkhidmatan Awam.

Kecekapan pemimpin dan pengurusan, terutama kecekapan menangani situasi di luar dugaan adalah antara perkara yang sangat perlu diberikan fokus yang cukup.

Di bidang tatacara, peraturan dan undang-undang perlu, Beta adalah ingin melihat supaya perlaksanaannya lebih efisien dan berkesan. Kerana, perkara berkaitan dengan disiplin, pada misalnya, adalah perkara pokok untuk perkhidmatan yang berintegriti.

Perkembangan semasa menunjukkan, bahawa bilangan kes pecah amanah dalam pengurusan kewangan adalah membimbangkan, walaupun cuma melibatkan jumlah kewangan yang kecil. Ini, termasuklah perbuatan memberi dan menerima rasuah. Perilaku atau amalan yang tidak berintegriti ini boleh saja menular dan melemahkan Perkhidmatan Awam jika tidak ditangani dengan tegas dan cepat.

Menyebut mengenai tindakan tegas dan cepat, Beta adalah sangat mengambil berat mengenai apa jua kelambatan dalam proses Kerajaan, antaranya, proses pengambilan dan pengisian kekosongan jawatan.

Untuk membantu mengurangkan masalah ini, Beta telahpun memperkenalkan kaedah "*online recruitment*" yang perlaksanaannya akan bermula pada tahun hadapan.

Di bawah kaedah ini, orang ramai yang mencari pekerjaan akan boleh membuat urusan-urusan secara '*online*', antaranya membuat permohonan, memasukkan data secara automatik, menerima perakuan, makluman mengenai ujian, temuduga dan keputusan permohonan dalam masa yang singkat.

Beta juga mengalu-alukan usaha Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang sedang giat menjalankan pengauditan pengurusan, bukan sahaja bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan pengurusan dalam Perkhidmatan Awam tetapi juga untuk memberikan taraf bintang kepada pengurusan yang memenuhi kriteria-kriteria pengiktirafan.

Skop pengauditan ini mencakupi Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) Manual Pengurusan Kerja (MPK), rancangan strategik, program pembaharuan pembaikan serta pengurusan pelanggan.

Buat akhirnya Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang, termasuk Anugerah Pekerja Cemerlang Bahagian II, yang baru diperkenalkan pada tahun ini dan juga kepada pemenang-pemenang Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam.



Beta berharap supaya anugerah-anugerah ini akan memberikan motivasi dan inspirasi kepada semua warga Perkhidmatan Awam bagi memperolehi kecemerlangan dalam perkhidmatan mereka.

Beta juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan peribadi Beta kepada pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun ini di atas sumbangan dan jasa bakti mereka semasa berkhidmat dengan Kerajaan.

Beta berdo'a ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga pesara-pesara sentiasa di dalam sihat 'afiat dan akan terus mencurahkan bakti kepada ugama, bangsa dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



## KANDUNGAN

• Sekapur Sirih	3
• Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21	10
• Huraian Tema Hari Perkhidmatan Awam	11
• Ikrar Perkhidmatan Awam	13
• Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam	15
• Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2015	17
• Kumpulan Kerja Cemerlang	31
• Kumpulan-Kumpulan Yang Menyertai Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Kali Ke-17, Tahun 2015	33
• Kenangan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan 22/23 dan Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan 20/21	55
• Kenangan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21, Tahun 2014	59
• Acara Keagamaan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22, Tahun 2015	67
• Perangkaan Perkhidmatan Awam	72
• Senarai Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22, Tahun 2015	77
• Senarai Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22, Tahun 2015	81
• Penghargaan	95





SEKAPUR SIRIH



## SEKAPUR SIRIH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.



Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurniaNya jua, sepertimana juga di tahun-tahun lalu, Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22 dapat diadakan pada tahun ini dengan penuh iltizam dan semangat berkobar-kobar di hati sanubari setiap warga Perkhidmatan Awam, sama ada yang sudah lama berkhidmat mahupun yang baru saja melangkah masuk ke alam pekerjaan di sektor awam. Sambutan ini juga adalah sebagai mercu tanda bagi perpaduan dan sandaran kepada setiap lapisan warga Perkhidmatan Awam untuk sentiasa melangkah ke hadapan agar lebih produktif, efisien, inovatif dan dinamik seiring dengan tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam tahun ini, iaitu **“Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara”**.

Cabaran kemelut ekonomi global yang melanda ketika ini mendatangkan impak kepada pengurusan dan produktiviti sesebuah negara. Namun ia juga menyediakan peluang kepada warga Perkhidmatan Awam untuk lebih fokus dan bekerja keras dalam memperbaiki apa jua bentuk kelemahan, termasuk dalam mengurus perbelanjaan dan peruntukan Kerajaan dengan lebih berhemah dan berjimat cermat. Pelaksanaan setiap tugas, perkhidmatan dan program yang *'cost effective'* bermaksud kita mampu menghasilkan yang berkualiti dengan perbelanjaan yang terhad. Usaha ini memerlukan setiap agensi Kerajaan untuk membuat perancangan kewangan yang rapi dan berdasarkan kepada prestasi atau *'performance budgeting'*.

Kesempatan yang diberikan melalui Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-22 ini juga mencabar warga Perkhidmatan Awam untuk *'true to ourselves'* dengan membuat penilaian yang jujur dan hati terbuka ke atas cara kita bekerja, merancang tugas dan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai serta mematuhi disiplin bekerja. Semua ini memerlukan kekuatan jiwa dan *mental* untuk menyedari bahawa banyak perkara dalam Perkhidmatan Awam yang dapat kita perbaiki dan usai agar setiap tugas akan lebih bisai, kemas, cepat dan bermutu. Dalam erti kata lain, muhasabah diri adalah mustahak, terutama dalam menilai keupayaan dan keberkesanan kita menjayakan program-program Kerajaan agar mendatangkan hasil yang dihasratkan.

Wawasan Negara 2035 banyak menggariskan matlamat-matlamat yang hendak dicapai dan ini dibantu oleh beberapa Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*), ke arah menjamin kehidupan rakyat yang berkualiti dan melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Sementara Perkhidmatan Awam sendiri mempunyai wawasannya yang sudah lama menjadi panduan Kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab penjawat awam. Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21 mempunyai matlamat **“Untuk Menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Yang Sentiasa Membangun Dan Berusaha Dengan Gayanya Tersendiri Menurut Calak Islam Dalam Persekitaran Yang Sihat Dan Selamat Di Bawah Inayah Dan Petunjuk Allah Subhanahu Wata’ala”**. Ini bermaksud kita jangan terlalu leka dan selesa, malah perlulah lebih progresif bagi mencapai kemajuan yang berlandaskan kepada ajaran dan akidah Islam yang direndah Allah Subhanahu Wata’ala.

Dalam kesempatan ini ada baiknya kita menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menjelang awal tahun Masihi 2015 di mana antara lain Baginda menyeru agar warga Perkhidmatan Awam melipatgandakan lagi usaha bagi mempertahankan keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini. Baginda menekankan agar kita tidak berlengah-lengah lagi dan mesti mempunyai sikap serta pemikiran yang lebih progresif kerana kita hanya mempunyai 20 tahun sahaja lagi tempoh menuju sasaran Wawasan Negara itu. Baginda mengingatkan agar matlamat-matlamat strategik dikenal pasti dan penyediaan serta pelaksanaan strategi pelan-pelan tindakan jangka sederhana dan panjang perlu disejajarkan bagi mengelak sebarang duplikasi dan memastikan setiap perancangan akan mendatangkan impak dan keberkesanan berganda dan optima.

Baginda juga amat menekankan supaya pihak berwajib dalam penguatkuasaan akan dapat menangani perbuatan yang melanggar undang-undang, hukum agama dan kes-kes jenayah dengan lebih bersungguh-sungguh, tegas, konsisten, tangkas dan cekap sehingga dapat menumpaskan pesalah dan penjenayah.

Demi mencapai kemajuan yang bermakna, setiap warga Perkhidmatan Awam mestilah berusaha dengan lebih gigih, untuk mengubah budaya kerja agar lebih cekap, efisien, dan bertindak cepat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik. Mana-mana proses atau prosedur perkhidmatan yang memakan masa yang terlalu lama mestilah diperbaiki, mengurangkan *‘red tape’* dan mempercepatkan penghasilan. Kita juga mestilah tangkas dalam melaksanakan peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam yang sudah ada bagi meningkatkan disiplin dan kecekapan serta kualiti kerja yang tinggi.



Mengenai Sambutan Hari Perkhidmatan Awam tahun ini, kita akan menyaksikan penganugerahan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) kepada beberapa orang warga cemerlang Perkhidmatan Awam. Anugerah ini memberikan penghargaan dan pengiktirafan yang bermakna kepada pegawai dan kakitangan yang telah berjaya menunjukkan prestasi cemerlang dalam menghasilkan tugas yang berkualiti tinggi dan mempunyai keperibadian yang dapat dicontohi. Anugerah ini diharap akan memberikan dorongan kepada setiap warga Perkhidmatan Awam untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh iltizam demi menghasilkan inisiatif-inisiatif yang terbaik yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan Kerajaan.

Manakala Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) pula ialah pengiktirafan yang diberikan kepada kumpulan-kumpulan daripada Kementerian / Jabatan / Bahagian yang telah berjaya mengenal pasti, memilih, menganalisa masalah-masalah yang berkaitan dengan kerja seharian di tempat mereka bertugas dan seterusnya mencadangkan usaha pembaikan yang dapat diguna pakai. Anugerah ini telah dapat memupuk kerja berpasukan yang kukuh melalui percambahan fikiran dan penyertaan daripada semua pihak di dalam organisasi masing-masing dan seterusnya membantu pihak pengurusan dalam membuat keputusan.

Adalah menjadi harapan saya agar kedua-dua anugerah tersebut dapat digunakan sebagai landasan untuk menjana kecekapan dan memberikan nilai tambah utama kepada Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Syabas dan tahniah setinggi-tingginya disampaikan kepada kumpulan-kumpulan yang berjaya dan juga ikut serta dalam Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang serta penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

Dalam kesempatan ini juga, sekalung penghargaan diberikan kepada semua warga yang telah bersara pada tahun ini di atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan keberkatan dan pahala yang banyak atas setiap jasa bakti tersebut. Amin Ya Rabbal 'Alamin.



Buat akhirnya, dengan perasaan tulus ikhlas saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-22 Tahun ini. Hanya Allah saja yang memberikan balasan pahala yang setimpal atas jarih payah dan titik peluh yang dicurahkan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**[AWANG YAHYA BIN HAJI IDRIS]**  
**SETIAUSAHA TETAP JABATAN PERDANA MENTERI**  
**Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi**  
**Sambutan Hari Perkhidmatan Awam**  
**Negara Brunei Darussalam Kali Ke-22, Tahun 2015**





The image features a decorative background with vertical stripes in shades of red, purple, and teal. A central, ornate, golden-brown frame with intricate geometric patterns surrounds the text. The frame has a scalloped, diamond-like shape. The text "ATURCARA" is written in a green, serif font, centered within the dark interior of the frame. The overall aesthetic is traditional and elegant.

ATURCARA

## ATURCARA MAJLIS SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-22, 2015

- 9:00 pagi - Para Jemputan Hadir
- 9:30 pagi - Para Jemputan Khas Hadir
- 10:00 pagi - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja.
- Lagu Kebangsaan
  - Bacaan Surah Al-Fatihah
  - Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran dan Kesimpulannya
  - Sembah Alu-Aluan oleh Yang Mulia Awang Yahya bin Haji Idris, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-22, Tahun 2015
  - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
  - Persembahan Tayangan Klip Video Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara
  - Pengumuman Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi Tahun 2015
  - Persembahan Tayangan Klip Video Kumpulan Kerja Cemerlang





- Pengumuman Penerima-Penerima Kumpulan Kerja Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi Tahun 2015.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dijunjung untuk menyempurnakan Pengurniaan Hadiah-Hadiah dan Penghargaan bagi :-
  - Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam untuk Bahagian II, III, IV dan V
  - Kumpulan Kerja Cemerlang
- Bacaan Doa Selamat
- Lagu Kebangsaan
- Sesi Bergambar Ramai dengan Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam dan Penerima-Penerima Kumpulan Kerja Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi Tahun 2015
- Santap / Jamuan Ringan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja Berangkat Meninggalkan Majlis
- Majlis Bersurai



**WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM  
ABAD KE- 21**



**UNTUK MENJADIKAN PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**YANG SENTIASA MEMBANGUN DAN BERUSAHA  
DENGAN GAYANYA TERSENDIRI  
MENURUT CALAK ISLAM**

**DALAM PERSEKITARAN YANG SIHAT DAN SELAMAT  
DI BAWAH INAYAH DAN PETUNJUK  
ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA**



**HURAIAN TEMA  
HARI PERKHIDMATAN AWAM**

## ‘URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA’

Dalam keadaan dunia yang terus dipengaruhi oleh arus globalisasi, teknologi canggih, sumber alam yang begitu terhad, ekspektasi pelanggan yang kian meningkat, rakyat yang semakin berilmu, daya saing daripada negara-negara serantau dan antarabangsa, pentadbiran awam tidak dapat lari dari menerima cabaran-cabaran dan tanggapan perkhidmatan yang kurang berkesan.

Cabaran-cabaran ini memerlukan kita untuk mengorak langkah ke hadapan dan mencari jalan yang lebih dinamik agar Perkhidmatan Awam tidak jauh ketinggalan dan turut memainkan peranan penting ke arah pembangunan negara sebagaimana yang diharapkan. Berdasarkan kepada suasana dan kesedaran inilah maka konsep ‘Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara’ dipilih sebagai tema dalam menyambut Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22, Tahun 2015 sekali lagi.

Tema ini menitikberatkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk mengamalkan urustadbir yang bersifat dinamik di mana sentiasa bersedia dan bersiap siaga dalam mengambil langkah yang proaktif, dapat disesuaikan terhadap penggubalan dasar-dasar, proses-proses dalam pentadbiran dan perubahan mengikut arus pergolakan dunia dalam isu serantau, antarabangsa dan global.

Pengertian ‘*Governance*’ atau Urustadbir dapat diertikan sebagai hubungan antara Kerajaan dan rakyat yang membolehkan dasar-dasar dan program-program dapat dilaksanakan dan dinilai. Dalam konteks yang lebih luas lagi, ia merujuk kepada peraturan, institusi dan rangkaian yang menentukan bagaimana sebuah negara atau organisasi berfungsi. Tadbir Urus menjadi dinamik apabila pilihan-pilihan dasar sebelumnya boleh disesuaikan dengan perkembangan semasa dalam persekitaran yang tidak menentu dan cepat berubah, agar dasar-dasar yang telah dilaksanakan itu kekal relevan dan berkesan dalam mencapai hasil jangka panjang yang dikehendaki masyarakat.





**IKRAR  
PERKHIDMATAN AWAM**

## IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kami, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini berikrar :

- Menjunjung tinggi dan menghayati Falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Memelihara dan mengamalkan dengan teguh prinsip-prinsip “Hablun MinAllah” iaitu hubungan dengan Allah dan “Hablun Min An-Nas” iaitu hubungan dengan manusia.
- Patuh melaksanakan kehendak dasar-dasar Kerajaan, undang-undang Negara, peraturan dan arahan kerja dengan jujur, ikhlas, amanah, bijaksana dan bertanggungjawab.
- Sentiasa memelihara dan meningkatkan martabat, kewibawaan, kecemerlangan dan keboleharapan Perkhidmatan Awam dengan sifat dan sikap pro-aktif, iltizam, inovatif, pemedulian, cekap, telus, titih, lutan, bertatertib dan berakhlak mulia.
- Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja, mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.
- Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk Agama, Bangsa, Kerajaan dan Negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan, keberkatan serta redha Allah Subhanahu Wata'ala.



**ANUGERAH PEKERJA  
CEMERLANG  
PERKHIDMATAN AWAM**



## PENGENALAN


Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, Tahun 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja Pegawai / Kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh Pegawai / Kakitangan yang lain.

## OBJEKTIF

- Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian / Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.
- Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara formal kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada Pegawai / Kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.
- Untuk memberikan pengiktirafan kepada Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
- Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan Pegawai / Kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.
- Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.
- Untuk mewujudkan nilai tambah (*value-added*) kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.





**PENERIMA-PENERIMA  
ANUGERAH PEKERJA  
CEMERLANG  
PERKHIDMATAN AWAM  
TAHUN 2015**

## JABATAN PERDANA MENTERI



**Dayang Hajah Kalsum binti Haji Baha**  
Pegawai Perkhidmatan Pengurusan  
Bahagian II  
Bahagian Pembaharuan Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Pengurusan



**Awang Haji Abd Hamid bin Haji Bungsu**  
Penolong Pentadbir  
Bahagian III  
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
Pejabat Peguam Negara



**Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Mohd Daud**  
Pengendali Mesin Cetak Letterpress Tingkat I  
Bahagian IV  
Bahagian Mesin Cetak  
Jabatan Percetakan Kerajaan



**Dayang Siti Rafeah binti Haji Md Yussof**  
Penyambut Tetamu / Penjaga Telefon  
Bahagian V  
Bahagian Kaunter Pendaftaran, Mahkamah  
Majistret Bahagian Undang-Undang dan  
Mahkamah  
Jabatan Kehakiman Negara

## KEMENTERIAN PERTAHANAN



**Dayang Norainah binti Basing**  
Penyelia Pejabat  
Bahagian III  
Bahagian Pengambilan dan Perjawatan  
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia



**Dayang Hajah Noorlizawati binti Haji Yahya**  
Pembantu Teknik  
Bahagian IV  
Bahagian Kewangan  
Jabatanarah Pembangunan dan  
Perkhidmatan Kerja



**Awang Rosli bin Haji Awang Damit**  
Tukang Kayu  
Bahagian V  
Bahagian Pemeliharaan Estet, Bolkliah Garison  
Jabatanarah Pembangunan dan  
Perkhidmatan Kerja

## KEMENTERIAN KEWANGAN



**Awang Saipol bin Haji Abdul Razak**  
Kerani Pendaftaran Kanan  
Bahagian III  
Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan  
Kementerian Kewangan



**Dayang Hajah Hayatimah binti Haji Hapit**  
Kerani Kewangan  
Bahagian IV  
Unit Gaji, Bahagian Perkhidmatan Kewangan  
Jabatan Perbendaharaan

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**



**Awang Haji Abdul Wahab bin Jumaat**  
Penyelia Perhubungan Kanan  
Bahagian III  
Bahagian Perhubungan  
Jabatan Pentadbiran



**Awang Haji Bara bin Kasim**  
Pemandu  
Bahagian V  
Bahagian Pentadbiran  
Jabatan Protokol dan Hal Ehwal Konsular



## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Awang Haji Md Yante Hussaine bin Haji  
Ismail**  
Ketua Pegawai Imigresen Kanan  
Bahagian II  
Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang  
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



**Dayang Haslinah binti Haji Alias**  
Kerani Sulit  
Bahagian III  
Pejabat Pengerusi Lembaga Bandaran  
Bandar Seri Begawan  
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



**Pengiran Hasrin bin Pengiran Haji Besar /  
Haji Tahir**  
Kerani  
Bahagian IV  
Bahagian Dokumen Perjalanan  
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



**Awang Maludin bin Awang**  
Pekerja Tingkat IV  
Bahagian V  
Bahagian Penaksiran dan Cukai  
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**Dayang Hajah Dayang binti Haji Muhammad**  
Penyusun Kegiatan Luar  
Bahagian II  
Unit Akil  
Jabatan Pendidikan Kokurikulum



**Dayang Norlailawaty binti Haji Matdaud**  
Penolong Pegawai Kerja Tingkat I  
Bahagian III  
Unit Keanggotaan dan Pengiklanan  
Bahagian Pengurusan dan Perkembangan  
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-  
Perkhidmatan



**Dayang Hajah Masrah binti Haji Md Jaafar**  
Kerani  
Bahagian IV  
Bahagian Pentadbiran, Sekolah Vokasional Wasan  
Institut Pendidikan Teknikal Brunei

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



**Pengiran Alizah binti Pengiran Haji  
Mohd Tahir**  
Pegawai Ugama  
Bahagian II  
Bahagian Hal Ehwal Muslimah  
Jabatan Hal Ehwal Masjid



**Pengiran Junaidi bin Pengiran  
Haji Zulaihi**  
Penolong Pentadbir  
Bahagian III  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Jabatan Pentadbiran



**Dayang Hajah Norezan binti Haji Gillen**  
Kerani  
Bahagian IV  
Seksyen Kajian dan Perancangan  
Bahagian Dasar Perancangan dan Penyelidikan  
Kementerian Hal Ehwal Ugama



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



**Dr Dayang Hajah Norzamni binti POKSDSP**  
**Haji Mohd Salleh**  
Juruukur Kanan  
Bahagian II  
Bahagian Infrastruktur Teknologi Spatial  
Jabatan Ukur



**Awang Haji Burhanuddin bin Haji**  
**Muhammad Amin**  
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa  
Tingkat II  
Bahagian III  
Bahagian Perancangan Pembangunan  
Jabatan Perancang Bandar dan Desa



**Awang Morni bin Haji Ibrahim**  
Kerani  
Bahagian IV  
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan  
Jabatan Kerja Raya



**Awang Haji Sulaiman bin Haji Ali**  
Juruteknik Rendah  
Bahagian V  
Bahagian Kadaster  
Jabatan Ukur

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



**Dayang Hajah Rahimah binti Haji Ibrahim**  
Penolong Pegawai Perikanan  
Bahagian III  
Seksyen Makmal Penganalisan Makanan Laut,  
Bahagian Keselamatan Agrimakanan,  
Jabatan Perikanan



**Dayang Hajah Rosita binti Haji Ali**  
Kerani  
Bahagian IV  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan  
Pelancongan



**Dayang Hajah Masni binti Haji Ali**  
Pembantu Kerani  
Bahagian V  
Seksyen Makmal Racun Kimia,  
Bahagian Keselamatan Agrimakanan,  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**



**Dayang Hajah Maria binti Haji Abidin**  
Ketua Penguasa Pos  
Bahagian III  
Unit Audit Dalaman, Pusat Memproses Mel dan Bungkusan  
Jabatan Perkhidmatan Pos



**Dayang Mariya @ Maria binti Eya**  
Penolong Pegawai Yang Menguasai Lalulintas  
Udara  
Bahagian IV  
Bahagian Sekuriti Penerbangan  
Jabatan Penerbangan Awam



**Dayang Masua binti Haji Durahim**  
Pembantu Kerani  
Bahagian V  
Unit Register, Pusat Memproses Mel dan  
Bungkusan  
Jabatan Perkhidmatan Pos

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**Dayang Hajah Norati binti Bakar**  
Pegawai Bahasa  
Bahagian II  
Bahagian Pembinaan dan  
Pengembangan Bahasa  
Dewan Bahasa dan Pustaka



**Awang Haji Ramli bin Haji Kuras**  
Penolong Kerja Kanan Belia dan Sukan  
Bahagian III  
Bahagian Latihan dan Pusat Sumber  
Jabatan Belia dan Sukan



**Dayang Tiajar binti Haji Matudin**  
Kerani  
Bahagian IV  
Bahagian Pembinaan dan  
Pengembangan Bahasa  
Dewan Bahasa dan Pustaka



**Awang Shahril bin Haji Mayalin**  
Pembantu Jurulatih Sukan Rendah  
Bahagian V  
Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan,  
Bahagian Sukan  
Jabatan Belia dan Sukan

## KEMENTERIAN KESIHATAN



**Dayang Hajah Rostina binti Haji Kepli**  
Pegawai Jururawat  
Bahagian II  
Ketua Perkhidmatan Kejururawatan,  
Jabatan Perubatan Dalam,  
Hospital Ripas




**Dayang Hajah Normadiyah binti Haji Ibrahim**  
Jururawat Kanan  
Bahagian III  
Pusat Dialisis, Kuala Belait  
Jabatan Perkhidmatan Renal



**Dayang Hajah Hamidah binti Haji Murat**  
Pembantu Makmal Kanan  
Bahagian IV  
Bahagian Makmal Kimia Klinikal  
Jabatan Perkhidmatan Makmal



**Dayang Hajah Rosnah binti Abdullah @ Trokie**  
Pembantu Kerani  
Bahagian V  
Bahagian Pentadbiran Am  
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan





The background features vertical stripes in shades of red, purple, and blue. A large, intricate geometric pattern, resembling a traditional Islamic motif, is centered on the page. This pattern is composed of repeating diamond shapes with internal floral and star-like designs in yellow, red, and blue. A dark, rounded rectangular frame is superimposed over the center of this pattern.

**KUMPULAN  
KERJA CEMERLANG**

## RASIONAL KUMPULAN KERJA CEMERLANG

Negara Brunei Darussalam segera mengubah Struktur Organisasi Kerajaan sejak tahun 1984 selepas merdeka. Inisiatif ini merupakan usaha Kerajaan memantapkan jentera pentadbiran Kerajaan melalui Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan agar berfungsi dengan efektif, efisien dan ekonomi. Usaha-usaha ke arah projek Produktiviti dan Kualiti ini mendedahkan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam kepada berbagai-bagai Kaedah Pengurusan yang terkini seperti : QCC/ KKC, “*Management by Objective (MBO)*”, “*Performance Improvement Planning (PIP)*”, “*Performance Appraisals (PA)*” serta “*Total Quality Management (TQM)*” dan banyak lagi.


Konsep-konsep yang didedahkan itu banyak menitikberatkan kepada pentingnya amalan kerja secara berpasukan dan bermesyuarah dalam membuat keputusan. Amalan ini telah dapat dibuktikan oleh sektor Kerajaan negara-negara maju yang lain seperti Malaysia, Jepun, Singapura serta Korea.

Terdapat 3 matlamat utama yang diwujudkan oleh KKC di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984 itu :

- Sebagai etika kerja bagi semua warga Perkhidmatan Awam kerana KKC memerlukan para pekerja bekerja sebagai satu pasukan;
- Memperkembangmajukan keupayaan Sumber Tenaga Manusia kerana KKC memerlukan ahli-ahlinya agar boleh berdikari; dan
- Produktiviti merupakan isu serantau (ASEAN) dan menjadi topik utama di dalam “*Conference on Reform of Civil Service*” diadakan di Singapura pada Tahun 1987.

KKC menggalakkan “*teamwork*” dan penglibatan dari semua pihak didalam organisasi yang mengamalkannya. Penglibatan yang sungguh-sungguh dari pihak atasan akan dapat menjamin kejayaan KKC kerana ia boleh meyakinkan kepada para ahli untuk melibatkan diri dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab. Dengan cara ini ia boleh mewujudkan suatu organisasi yang sentiasa beristiqamah kerana pengurusan atasan yang penuh konfiden menurunkan kuasa dan tanggungjawab kepada pegawai yang bermotivasi tinggi ke arah menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi.





**KUMPULAN-KUMPULAN  
YANG MENYERTAI KONVENSYEN  
KUMPULAN KERJA CEMERLANG  
SEMPENA SAMBUTAN  
HARI PERKHIDMATAN AWAM  
KALI KE-17, TAHUN 2015**

## 1. PROJEK : PENGGUNAAN JAKET KESELAMATAN SEMASA AKTIVITI MENAIKI BOT TEMUAI KURANG BERKESAN

Nama Kumpulan : ATP HSSE

Unit Perkhidmatan Bot Temuai dan Bot Laju, Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan dan Unit Keselamatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan



### Ahli-Ahli Kumpulan:

Awang Mohd Azman bin Haji Azamain (Ketua Kumpulan)	Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd Ali (Penolong Ketua Kumpulan)
Dayang Siti Nahriah binti POKMD DSP Haji Abdul Wahab	Awang Mohd Khairul Sabirin bin Mohd Salleh
Awang Morzaime bin Mohamad	Awang Hirwan bin Haji Moslim
Awang Haji Mohaimin bin Haji Malik	Awang Azamain bin Haji Abdul Kadir

### SINOPSIS

Kementerian Pendidikan berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan perkhidmatan yang diberikan kepada warga pendidikan melalui inisiatif pengendalian projek-projek. Usaha ini memerlukan pegawai-pegawai dan kakitangan yang mempunyai komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas yang diamanahkan dan rajin berusaha ke arah meningkatkan produktiviti dan kualiti organisasi. Projek Kumpulan Kerja Cemerlang telah banyak memberikan faedah dan manfaat kepada Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan bersama Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

### FAEDAH KETARA

Bil.	Dahulu (Sebelum KKC)	Sekarang (Selepas KKC)
1	Kesalahan keadaan jaket pada bulan Mac ialah 2,606	Kesalahan terhadap keadaan jaket pada bulan Jun menurun kepada 442 (pengurangan sebanyak 84%)

FAEDAH KETARA		
Bil.	Dahulu (Sebelum KKC)	Sekarang (Selepas KKC)
2	Kadar pematuhan pemakaian jaket ( <i>compliance</i> ) pada bulan Mac ialah 84.5%	Kadar pematuhan pemakaian jaket ( <i>compliance</i> ) pada bulan Jun ialah 99.7%
3	Kesalahan kekurangan jaket pada bulan Mac ialah 95	Kesalahan terhadap kekurangan jaket pada bulan Jun menurun kepada sifar (0)
4	Tiada papan tanda dipasang di sekolah-sekolah Kampong Ayer	Ada terdapat 12 papan tanda yang diletakkan di tempat-tempat strategik seperti jeti sekolah
5	Aliran tatacara aktiviti menaiki bot temuui kurang jelas	Aliran tatacara aktiviti menaiki bot temuui lebih sistematik

FAEDAH TIDAK KETARA		
Bil.	Dahulu (Sebelum KKC)	Sekarang (Selepas KKC)
1	Borang catatan hanya menyemak kehadiran	Borang catatan memastikan pemakaian jaket keselamatan
2	Pemantauan menjurus kepada pembaharuan kontrak sahaja	Pemantauan 3Ba dan 3M dapat memberikan maklumat mengenai pemakaian jaket keselamatan yang mengikut piawaian secara berterusan
3	Borang maklum balas hanya secara am untuk mendapatkan maklumat bagi pembaikan	Borang maklum balas akan diagih-agihkan lagi untuk dianalisa bagi mendapatkan pandangan yang lebih positif mengenai keberkesanan pemakaian jaket keselamatan
4	Tidak ada taklimat bagi pemakaian jaket keselamatan ke sekolah-sekolah di Kampong Ayer	Taklimat-taklimat dan sesi praktikal tatacara pemakaian jaket keselamatan (Pakai, Zip, Klik-klik dan Tarik) yang mudah difahami dan boleh diberigakan melalui jerayawara ke Sekolah-sekolah Kampong Ayer yang lain
5	Penyediaan jaket keselamatan daripada syarikat-syarikat bot temuui	Inisiatif guru-guru untuk membeli dan mendapatkan sendiri jaket keselamatan
6	Penubuhan jawatankuasa secara dalaman sahaja	Penubuhan jawatankuasa bersama agensi-agensi berkenaan dalam mengendalikan isu-isu keselamatan yang berkaitan dengan perkhidmatan bot temuui
7	SOP Bot Temuui belum disemak dan diteliti	Mengemaskini SOP Bot Temuui yang sedia ada untuk diteliti bersama agensi-agensi yang berkenaan
8	Kontrak yang sedia ada mempunyai beberapa kekurangan	Kontrak yang lebih terperinci dengan mengambil kira aspek-aspek keselamatan dan pengurusan
9	Menjalankan tugas hanya mengikut bidang masing-masing	Memupuk semangat kerja berpasukan di antara petugas dan warga kementerian
10	Kurang peka dalam membuat teguran mengenai keselamatan penumpang	Mempunyai sikap ambil berat terhadap keselamatan penumpang
11	Pengurusan aktiviti menaiki bot temuui kurang sistematik	Dapat mewujudkan pengurusan aktiviti menaiki bot temuui yang lebih sistematik
12	Kurang berkeyakinan diri dan motivasi	Mempunyai sikap lebih berkeyakinan diri dan motivasi
13	Sukar berkomunikasi	Dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan lebih baik



## 2. PROJEK : PENGURUSAN INVENTORI KURANG TERATUR

Nama Kumpulan : ASET  
Bahagian Pentadbiran, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan



### Ahli-Ahli Kumpulan:

Dk Suriani Lailawati binti Pg Haji Bungsu (Ketua Kumpulan)	Dayang Siti Norashikin binti Haji Abdul Hamid (Setiausaha I)
Dayang Khairunnisa binti Rosli (Setiausaha II)	Dayang Hajah Rose Susantywati binti Haji Zaini
Dayang Nur Hamizah binti Haji Mohd Zain	Awang Hasmali bin Haji Ahmad

### SINOPSIS

Kumpulan KKC ASET dari Unit Kewangan dan Stor. Setelah diperbincangkan bersama kumpulan, kumpulan kami bersetuju memilih projek KKC bertajuk '**PENGURUSAN INVENTORI KURANG TERATUR**'. Projek ini diharapkan akan dapat membantu jabatan ini dalam menangani masalah yang timbul dalam pengurusan inventori kurang teratur. Pengurusan yang melibatkan tatacara kerja, pendaftaran, pengawalan, pengarahan, pemeriksaan, keselamatan dan pengauditan.

### FAEDAH KETARA

Bil.	Dahulu (Sebelum KKC)	Sekarang (Selepas KKC)
1	Maklumat dalam inventori sebanyak 56 keping kurang lengkap pada Tahun Kewangan 2013/2014	Maklumat dalam inventori lengkap selaras dengan Peraturan Pengauditan sebanyak 47 keping bagi Tahun Kewangan 2014/2015 setelah diuji cuba
2	Borang <i>Issue Voucher</i> tidak lengkap dan tidak selaras	Borang Penempatan Adm042 digunakan lebih lengkap penempatan dan keberadaannya
3	<i>Log Book</i> tidak ada disediakan	Dengan adanya projek ini <i>Log Book</i> diberikan ke bahagian-bahagian. Dengan adanya <i>Log Book</i> , pemantauan akan dilaksanakan



FAEDAH KETARA		
Bil.	Dahulu (Sebelum KKC)	Sekarang (Selepas KKC)
4	Pemindahan barang dari bahagian ke bahagian tidak diketahui oleh Unit Stor	Dengan adanya Borang ADM043 Borang Pindah milik, Unit Stor akan lebih tahu di mana keberadaan barang tersebut
5	Tiada tempat rujukan yang cepat	i-beruntok memberi kesan yang cepat dan tepat

FAEDAH TIDAK KETARA		
Bil.	Dahulu (Sebelum KKC)	Sekarang (Selepas KKC)
1	Kumpulan kami telah dapat melahirkan kakitangan yang boleh memberikan perkhidmatan dengan baik dan efisien serta berpengetahuan dan berkemahiran	Dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan cepat
2	Mendedahkan ahli cara berkomunikasi yang lebih teratur dan berkesan	Menjimatkan perbelanjaan dari berulang-ulang yang membawa kepada pembaziran
3	Dapat memahami proses kerja dengan lebih baik	Meningkatkan reputasi akauntabiliti dan kredibiliti Jabatan
4	Meningkatkan komitmen dalam kerja berpasukan di Unit Stor	Perkakas barang jabatan teratur dan terarah mengikut keperluan
5	Cara berfikir lebih bernas dan tepat	Memudahkan pencarian maklumat-maklumat barang dengan cepat

### 3. PROJEK : PENYELENGGARAAN BARANG-BARANG STOR (BARANG GUNA HABIS) DI JABATAN KURANG BERSISTEMATIK

Nama Kumpulan : SEMUT  
Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri



Ahli-Ahli Kumpulan:	
Dayang Norzainah binti Laisah (Ketua Kumpulan)	Dayang Nohaidah binti DP Haji Abdul Rahim (Penolong Ketua Kumpulan)
Dayang Hajah Siti Zalinawati binti Haji Abdul Rahim (Setiausaha)	Awang Muhammad Al-Hadi bin Marsum
Dayang Suzana binti Haji Puasa	Dayang Rakiah binti Haji Pantong

#### SINOPSIS

Bagi tahun 2015 ini, Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) SEMUT telah diwujudkan di Ibu Pejabat, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) bermula pada 17 Mac 2015. Bagi projek KKC, Kumpulan SEMUT telah menetapkan tajuk projek iaitu 'Penyelenggaraan Barang-Barang Stor (Barang Guna Habis) di Jabatan Kurang Bersistematik'. Pemilihan projek ini adalah berikutan reaksi pengguna (Cawangan / Bahagian / Unit) di JKDN berkaitan permasalahan yang telah dikenal pasti di beberapa peringkat pengendalian Barang-Barang Stor (Barang Guna Habis). Projek KKC ini difokuskan kepada Unit Lojistik, JKDN memandangkan salah satu peranannya adalah untuk menyelenggarakan Barang-Barang Stor (Barang Guna Habis) iaitu alat / perkakas pejabat yang dipergunakan dalam satu kali pemakaian, seperti alat tulis, kertas, fail, dan barang-barang keperluan pembersih bagi Ibu Pejabat dan Cawangan-Cawangan Daerah JKDN.

Permasalahan dalam pengendalian Barang-Barang Stor (Barang Guna Habis) telah dikenal pasti oleh Kumpulan SEMUT iaitu:

- Bermula dari peringkat pemerosesan permohonan Barang-Barang Stor (Barang Guna Habis) yang dihadapkan kepada Unit Lojistik;
- Urusan pembekalan Barang-Barang Stor (Barang Guna Habis) yang lambat serta tidak memenuhi kuantiti seperti yang dipohonkan;
- Pengagihan tugas staf Unit Lojistik kurang teratur; dan
- Pengurusan inventori Barang-Barang Stor (Barang Guna Habis) yang kurang efisien.

Kumpulan SEMUT telah berjaya merungkai permasalahan yang ada dan mengemukakan solusi-solusi supaya tugas-tugas Unit Lojistik dalam Penyelenggaraan Barang-Barang Stor (Barang Guna Habis) di Jabatan dapat dibuat secara bersistematik dan proses-proses pengendaliannya lebih efisien dan efektif.

FAEDAH KETARA	
1	Permohonan menggunakan sistem berkomputer
2	Dapat menjimatkan masa, tenaga dan meningkatkan produktiviti Unit Lojistik
3	Menjimatkan penggunaan kertas dengan penggunaan Sistem Permohonan <i>Online</i>
4	Kerja penyelenggaraan lebih tersusun bersistematik dengan penggunaan S.O.P dan T.P.O.R
5	Meningkatkan kesefahaman di antara Pegawai dan Kakitangan Unit Lojistik dengan unit-unit lain
6	Penurunan kadar kecuaiian seperti kehilangan atau borang tercicir
7	Memantau stok dan pengiraan inventori dihasilkan dengan cepat dan tepat melalui sistem berkomputer
8	Sistem berkomputer <i>direplicate</i> ke Unit Keselamatan & Unit Tahanan dan Pemulihan, juga Kementerian dan Jabatan lain
9	Semua ahli dapat bekerjasama dengan baik dan tolong menolong antara satu sama lain yang mana ianya membantu dalam meningkatkan dan membaiki dari segi mutu perkhidmatan kepada Unit Lojistik khususnya dan kepada Jabatan amnya

FAEDAH TIDAK KETARA	
1	Mengubah sikap ahli dari penonton kepada penyumbang
2	Mengubah sikap ahli kepada lebih komited, berilmu pengetahuan dan berkemahiran
3	Dapat meningkatkan imej Unit Lojistik
4	Dapat mewujudkan keselesaan bekerja dengan adanya bilik stor yang tersusun
5	Keupayaan menyelesaikan masalah dan bekerja dengan berpasukan
6	Meningkatkan hasil dan mutu kerja perkhidmatan
7	Mengeratkan silaturrahim antara pegawai dan kakitangan
8	Peningkatan keyakinan diri dalam menjalankan kerja
9	Meningkatkan kesedaran ahli mengenai pentingnya menjaga kualiti perkhidmatan

#### 4. PROJEK : JADUAL PROGRAM AKTIVITI PENGAWASAN KURANG SELARAS

Nama Kumpulan : USAI  
Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri



Ahli-Ahli Kumpulan:	
Awang Haji Aminuradin bin OKMD Haji Saman (Ketua Kumpulan)	Awang Bismil @ Muhammad bin Haji Abu Bakar (Penolong Ketua Kumpulan)
Awang Rusli bin Haji Abdullah (Setiausaha)	Awang Haji Jailani bin Haji Mohd Said (Penolong Setiausaha)
Dayang Noor Hanani binti DSS Haji Abdul Hamid	Dayang Salwati binti Haji Mohd Yusof

#### SINOPSIS

Projek ini berlatarbelakangkan proses untuk meningkatkan dan melicinkan perkhidmatan program di Cawangan Pengawasan. Ianya merangkumi semua bahagian di Cawangan Pengawasan yang terdiri dari empat (4) bahagian penting iaitu Perkhidmatan Pengawasan, Perkhidmatan Kaunseling, Perkhidmatan Psikologi dan Perkhidmatan Program Kepulihan.

Kepentingan pemilihan projek ini dianggap besar dengan mengambilkira bahawa individu yang pernah terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan diletakkan di bawah Skim Pengawasan perlu diberi bimbingan dengan menggunakan kaedah tertentu.

Ironinya, program yang dijalankan tidak dapat diikuti dengan teratur oleh setiap **Orang Yang Di Bawah Pengawasan (OYDP)** memandangkan pada pertembungan jadual yang kurang selaras khususnya di antara Jadual Program Orientasi, Program Kerohanian, Program Permuzakarahan, Program Sokong Bantu dan Program Kaunseling. Menariknya, faedah yang dilihat ketara sekali dalam projek ini ialah merupakan wadah (*platform*) utama kerana memberikan kesedaran yang holistik kepada OYDP, dalam usaha menjadikan mereka insan yang berguna dan berkualiti selaras dengan Misi Cawangan Pengawasan itu sendiri iaitu **'MEMBIMBING KE ARAH KESEMPURNAAN KEHIDUPAN'**.

Manakala dari sudut aspek faedah tidak ketara pula, projek ini menjurus kepada usaha meningkatkan kualiti kerja setiap Pegawai Pengawasan di Cawangan Pengawasan di samping memberi peluang pegawai-pegawai yang terlibat untuk memahami apa jua kehendak dan keperluan dalam proses kepulihan OYDP.

FAEDAH KETARA	
1	Peningkatan dari segi pengurusan program yang dilaksanakan mencapai <b>100% berbanding 60% sebelum KKC</b>
2	Beberapa program baru ( <i>Team Building, Family Support Group</i> ) telah dapat dimasukkan sebagai program mandatori <b>100%</b>
3	Peningkatan kehadiran OYDP <b>88%</b> dalam mengikuti aktiviti dan Program Pengawasan <b>berbanding dibawah purata 30% sebelum KKC</b>
4	Jadual Program dan aktiviti <b>100%</b> telah dapat diselaraskan dengan lebih teratur tanpa ada pertembungan
5	Sikap dan komitmen pegawai ketara meningkat ke tahap <b>90%</b> . Ini dapat diukur melalui penyelesaian tugas dan pelaksanaan program

FAEDAH TIDAK KETARA	
1	Membuat perubahan yang drastik di mana struktur program carta aliran diperbaharui dan dikemaskinikan dengan lebih bersistematik
2	Meningkatkan tahap prestasi dari segi kehadiran OYDP dalam mengikuti aktiviti yang dikendalikan
3	Meningkatkan kreativiti pegawai-pegawai dalam mengendalikan setiap aktiviti program di bahagian masing-masing
4	Merapatkan dan meningkatkan hubungan silaturrahim antara pegawai-pegawai dan OYDP itu sendiri
5	Menepati sasaran misi Cawangan Pengawasan dalam membantu mengurangkan ke arah Kes Berulang ( <i>Relapse</i> )
6	Meningkatkan semangat kerjasama secara berpasukan di antara bahagian-bahagian di Cawangan Pengawasan
7	Kualiti dan keberkesanan Program Perkhidmatan Pengawasan meningkat terutama dalam membantu proses kepulihan OYDP

## 5. PROJEK : PENYEMAKAN DATA MENGAMBIL MASA YANG LAMA

Nama Kumpulan : PGS1415  
Bahagian Pemetaan GIS (Geographical Information System), Jabatan Ukur,  
Kementerian Pembangunan



### Ahli-Ahli Kumpulan:

Ong Geok Ling (Ketua Kumpulan)	Dayang Mastura binti Omar (Penolong Ketua Kumpulan)
Awang Deddy Erwandy bin Besar	Dk Norol Asinah binti Pg Haji Osman
Dayang Hajah Hartini binti Awang Haji Damit	Awang Mohamad Ayub bin Nohili
Awang Muhd Afandi bin Abdullah @ Cheong Fandy	

### SINOPSIS

